

GDI

Global
Disinformation
Index

Pemeringkatan Risiko Pasaran Media: Malaysia

www.disinformationindex.org

Penulis utama: **Ong Kar Jin** (Centre for Independent Journalism - CIJ) dan **Tham Jia Vern** (penyelidik bebas)

Pereka Bentuk: www.designbythink.co.za

Diterjemahkan oleh: Imran Rasid

Global Disinformation Index (GDI) adalah entiti tidak berasaskan keuntungan yang beroperasi atas tiga prinsip; keberkecualian, kebebasan dan ketelusan. Visi kami adalah sebuah dunia di mana kita boleh mempercayai apa yang terkandung dalam media. Misi kami ialah untuk memulihkan kepercayaan terhadap media melalui Global Disinformation Index, iaitu sistem pemeringkatan risiko masa nyata yang automatik untuk laman-laman media dunia. GDI adalah tidak berpolitik. Panel penasihat kami terdiri daripada pakar-pakar antarabangsa dalam isu maklumat palsu, indeks, dan teknologi. Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.disinformationindex.org

The Centre for Independent Journalism, Malaysia (CIJ) adalah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang menginginkan sebuah masyarakat yang demokratik, adil dan bebas, di mana orang ramai dapat menikmati kebebasan media untuk berekspresi, memperoleh dan menyampaikan maklumat. Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://cijmalaysia.net>

GDI Global
Disinformation
Index

CENTRE FOR
**INDEPENDENT
JOURNALISM**
Advocating Media Freedom and Access to Information



Mei 2021. Diterbitkan di bawah Lesen Kreatif Umum (CC BY-NC-SA 4.0)

Kandungan

Kata-Kata Pengantar	4
Pendahuluan	6
Pasaran Media Malaysia: Ciri-ciri utama dan skop	9
Pemeringkatan Risiko Maklumat Palsu	11
Kesimpulan	19
Lampiran: Metodologi	21
Notakaki	26

Kata-Kata Pengantar

Sejak terciptanya laman web, gaya hidup kita secara dalam talian - atau luar talian - telah banyak berubah. Hal ini termasuklah soal bagaimana berita ditaja, dihasilkan, dihadam, dan disebar.

Perubahan dalam industri berita ini datang bersama dengan risiko tertentu. Maklumat palsu adalah salah satu darinya. Gejala maklumat palsu telah digunakan sebagai alat untuk mempergunakan masyarakat umum untuk menyebarkan propaganda. Sewaktu pandemik COVID-19 melanda, sebaran maklumat palsu telah mencipta infodemik yang mengganggu gugat kesihatan awam, keselamatan dan respons kerajaan. Tiada negara atau pasaran media yang terselamat dari ancaman ini.

Bagi melawan gejala maklumat palsu, kita harus mencari jalan untuk memutuskan sistem dan pendanaan yang mendasari masalah ini. Di sinilah fokus tumpuan Indeks Maklumat Palsu Global, *Global Disinformation Index* (GDI).

Melalui pelaksanaan GDI, kami percaya bahawa pemeringkatan risiko maklumat palsu buat laman-laman berita yang bebas, dipercayai dan neutral adalah sangat diperlukan. Pemeringkatan risiko ini sesuai untuk kegunaan pengiklan dan syarikat-syarikat pengiklanan teknologi untuk memastikan laman-laman untuk menempatkan iklan-iklan mereka itu sesuai dengan jenama keselamatan mereka, bahkan sejajar dengan strategi mengurangkan risiko maklumat palsu.

Penyelidikan GDI menawarkan penilaian yang neutral dan dipercayai terhadap domain-domain berita yang berisiko mengandungi maklumat palsu. Melalui pengamatan struktural, kandungan, indikator konteks dan operasi, GDI menyediakan pemeringkatan di peringkat domain mengenai risiko maklumat palsu kepada pengguna.

Laporan berikutnya memaparkan hasil daripada penerapan metodologi pemeringkatan risiko GDI terhadap beberapa laman media yang selalu dikunjungi di Malaysia. Secara keseluruhannya, kami menilai 31 laman web. Laman-laman ini dipilih untuk mendapatkan sampel media yang menggambarkan kepelbagaian linguistik dalam negara ini dan juga sasaran sumber maklumat yang digunakan pelbagai pihak untuk mendapatkan berita.

Jadual 1. Laman Media yang Dinilai

News outlet	Domain
Berita Harian	www.bharian.com.my
Borneo Post	www.theborneopost.com
China Press	www.chinapress.com.my
Daily Express Sabah	www.dailyexpress.com.my
Free Malaysia Today	www.freemalysiatoday.com
Guang Ming Daily	www.guangming.com.my
Harakah	www.harakahdaily.net
Harian Metro	www.hmetro.com.my
Kosmo!	www.kosmo.com.my
Kwong Wah Yit Poh	www.kwongwah.com.my
Malay Mail Online	www.themalaymailonline.com
Malaysiakini	www.malaysiakini.com
Malaysian Chronicle	www.malaysia-chronicle.com
Malaysian Gazette	www.malaysiagazette.com
Malaysian Reserve	www.themalaysianreserve.com
mStar	www.mstar.com.my
Nanyang Siang Pau	www.enanyang.my
New Sarawak Tribune	www.newsarawaktribune.com.my
New Straits Times	www.nst.com.my
Overseas Chinese Daily News	www.ocdn.com.my
SAYS	www.says.com/my
See Hua Daily News	www.news.seehua.com
Sin Chew	www.sinchew.com.my
Sinar Harian	www.sinarharian.com.my
The Edge	www.theedgemarkets.com
The Malaysian Insight	www.themalaysianinsight.com
The Rakyat Post	www.therakyatpost.com
The Star	www.thestar.com.my
The Sun	www.thesundaily.my
Utusan	www.utusan.com.my
Utusan Borneo	www.utusanborneo.com.my

Pendahuluan

Ancaman maklumat palsu (*disinformation*)¹ kini semakin berleluasa di seluruh dunia – ianya menggugat proses pilihanraya, kesihatan, bahkan fakta-fakta yang sudah disepakati bersama.


Infodemik yang kebanyakan mengandungi teori konspirasi COVID-19 jelas menunjukkan bahawa maklumat palsu boleh mengorbankan nyawa manusia. Laman-laman web yang menyamar sebagai saluran berita telah mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang lumayan daripada situasi ini.

Tujuan Indeks Maklumat Palsu Global (GDI) adalah untuk mencantas pengaliran keuntungan yang menggalakkan dan mengekalkan gejala maklumat palsu. Melalui penggunaan teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan kepakaran manusia, GDI telah mewujudkan satu kerangka penilaian bagi menilai risiko maklumat palsu pada domain-domain berita.²

Pemeringkatan risiko GDI menawarkan kepada pengiklan, syarikat-syarikat teknologi periklanan dan mana-mana platform pelbagai maklumat berkaitan dengan tanda-tanda maklumat palsu dari sudut **kandungan** (iaitu kebolehpercayaan kandungan), **operasi** (iaitu integriti operasi dan editorial) dan **konteks** (iaitu persepsi terhadap jenama kepercayaan; lihat Rajah 2). Kesemua dapatan daripada laporan ini adalah berdasarkan tiga tonggak ini yang turut dinilai secara manual: **Kandungan**, **Operasi**, dan **Konteks**.³

Peringkat risiko maklumat palsu sesuatu laman web itu adalah berdasarkan jumlah agregat skor yang diperolehi laman tersebut pada kesemua tonggak dan indikator yang dinilai⁴. Skor keseluruhan bagi sesuatu laman adalah dari sifar (tingkat risiko maksimum) sehingga 100 (tingkat risiko minimum). Setiap

Rajah 1. Gambaran Keseluruhan Penilaian Risiko GDI



indikator yang dimasukkan dalam kerangka akan dinilai dari skor sifar sehingga 100. Dapatan daripada indeks tersebut menggambarkan tingkat risiko maklumat palsu secara keseluruhan bagi laman tersebut, dan bukannya soal kejujuran atau kualiti kewartawanan yang ada pada laman itu.

Laporan ini akan membentangkan dapatan berkenaan dengan risiko maklumat palsu buat pasaran media di Malaysia berdasarkan kajian ke atas 31 domain berita.⁵ Data-data ini menyediakan gambaran awal akan kekuatan keseluruhan serta cabaran-cabaran yang harus didepani oleh laman-laman web ini bagi mengurangkan risiko maklumat palsu.⁶

Segala dapatan ini dihasilkan melalui kajian yang diketuai GDI bersama dengan *Centre for Independent Journalism* (CIJ), sepanjang bulan Februari sehingga bulan Mei tahun 2021. Analisis pasaran dalam laporan ini juga adalah berdasarkan 15 tanda-tanda maklumat palsu yang dinilai untuk Malaysia berdasarkan data yang dikumpul oleh CIJ beserta tinjauan persepsi yang bebas.⁷

Laporan ini membentangkan purata skor buat sampel-sampel pasaran. Adalah menjadi polisi GDI untuk menamakan dan menyediakan profil buat semua laman web yang ditanggapi sebagai berisiko minimum. Namun, oleh kerana tiada laman web yang berjaya memenuhi kriteria ini dalam pasaran Malaysia, maka skor spesifik setiap domain disebutkan.⁸

Metodologi pemeringkatan risiko GDI bukanlah untuk mengenal pasti apa yang benar dan apa yang palsu. GDI tidak melabel mana-mana laman sebagai laman penyebar maklumat palsu — ataupun sebaliknya, iaitu sebagai laman berita yang dipercayai. Hakikatnya, pendekatan kami adalah berdasarkan pandangan bahawa kesemua jenis tanda-tanda yang dinilai, sekiranya dikumpulkan sekali, boleh menentukan kadar risiko untuk sesuatu laman web itu mengandungi maklumat palsu.

Skor-skor yang dipaparkan di sini seharusnya dilihat sebagai suatu tanggapan ke atas pasaran media Malaysia serta penilaian menyeluruh akan risiko maklumat palsu yang ada. Hasil kajian ini masih terbuka untuk dibahas dan diperhalusi secara bersama dengan pemegang-pemegang taruh dari laman-laman berita, pengiklan, dan syarikat teknologi periklanan. (Bahagian lampiran laporan ini ada menggariskan kerangka penilaian yang digunakan).⁹ Kami berbesar hati untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan mana-mana pihak yang berminat.

Dapatan Utama: Malaysia

Semasa mengkaji semula landskap media Malaysia, penilaian GDI menemukan bahawa banyak laman media tidak mempunyai semakimbang operasi yang baik, terutamanya polisi berkenaan dengan ketelusan kewangan, kebebasan editorial, dan kebertanggungjawaban kewartawanan, dan hal ini sudah tentunya penting dalam mengurangkan risiko maklumat palsu. Sungguhpun begitu, laman-laman ini mendapat skor yang agak baik dalam tonggak Kandungan melalui liputan yang berasaskan fakta tanpa menggunakan bahasa yang sensasi dan mengapi-apikan.

Hanya dua laman sesawang yang menunjukkan risiko maklumat palsu yang tinggi.

- Kedua-dua laman tersebut mendapat skor yang rendah dalam tonggak Operasi dan ini menunjukkan kekurangan ketelusan dalam hal pemilikan dan penajaan, serta potensi berlakunya percanggahan kepentingan. Situasi ini boleh membawa kepada manipulasi terhadap pembaca.
- Namun demikian, perlu disebutkan di sini bahawa laman yang pertama mendapat skor yang lebih tinggi berbanding laman yang kedua dalam tonggak Kandungan, menunjukkan wujudnya perbezaan pada tahap kebolehpercayaan dalam isi kandungan yang diterbitkan untuk tatapan pengguna dalam talian di kedua-dua laman.


Enam laman yang disifatkan sebagai berisiko rendah, namun tiada yang disifatkan sebagai berisiko minimum bagi maklumat palsu.

- Tiada laman yang disifatkan mempunyai risiko maklumat palsu yang 'minimum', namun enam laman disifatkan sebagai berisiko 'rendah'. Hal ini menggambarkan spektrum pandangan politik yang luas dan format yang pelbagai dari akhbar berbentuk tradisional sehingga ke portal berita dalam talian.
- Laman-laman ini cenderung mendapat skor yang baik dalam tonggak Operasi berbanding dengan laman-laman yang lain, dan ini menunjukkan bahawa wujud ketelusan yang meluas seperti kebebasan editorial, pendanaan, dan pihak-pihak yang terlibat di belakang tabir.
- Sungguhpun demikian, keputusan mereka pada tonggak Kandungan tidak sekata. Sebahagian laman lebih terkedepan dengan kandungan yang lebih dipercayai serta sikap berkecuali yang lebih tinggi.

Kebanyakan laman media di Malaysia jatuh pada kategori berisiko medium.

- 23 daripada 31 laman (merangkumi 75 peratus) disifatkan sebagai berisiko 'medium' untuk menyebarkan maklumat palsu kepada pengguna dalam talian.
- Kebanyakan daripada laman ini harus meningkatkan prestasi jangka pertengahan mereka dengan menangani kekurangan tertentu seperti polisi-polisi operasi dan identiti kepengarangan (*bylines*), bagi mencapai kategori berisiko rendah.

Rajah 2. Pemeringkatan Maklumat Palsu berdasarkan Laman



Pasaran Media Malaysia: Ciri-ciri utama dan skop

Malaysia mempunyai populasi yang cekap dengan kegunaan internet. Berdasarkan laporan 2020¹⁰ oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), lebih daripada 88 peratus rakyat Malaysia adalah pengguna internet. Kecekapan ini juga dapat dilihat melalui penggunaan media oleh populasi Malaysia; laporan tahun 2019¹¹ oleh Nielsen mendedahkan bahawa 81 peratus rakyat Malaysia menggunakan kedua-dua media bersifat tradisional dan digital.

Kadar kepenggunaan yang tinggi ini secara umumnya datang daripada kepercayaan rakyat Malaysia kepada media. Dalam sebuah tinjauan 2019¹² oleh Ipsos yang membandingkan kadar kepercayaan media di Malaysia berbanding dengan tanda aras global, dapatan mereka menunjukkan bahawa majoriti rakyat Malaysia percaya bahawa pengamal media melaksanakan kerja mereka dengan tujuan yang baik. Sebanyak 79 peratus daripada senarai responden yang ditinjau menyatakan bahawa mereka bersangka baik terhadap akhbar-akhbar dan majalah (walhal hanya 50 peratus sahaja berpandangan sedemikian di peringkat global) dan hampir pada peratusan yang sama (77 peratus) yang berpandangan bahawa mereka juga bersangka baik kepada TV dan radio (berbanding dengan 52 peratus di peringkat global). Buat sumber-sumber berita dalam talian, jumlah peratusan yang bersangka baik adalah pada kadar 70 peratus (berbanding hanya 49 peratus di peringkat global). Kesemua ini menunjukkan bahawa sungguhpun kadar kepercayaan terhadap media di peringkat global mula merosot, hal yang sebaliknya berlaku di Malaysia.

Peningkatan kadar kepenggunaan media ini turut diiringi dengan peningkatan hasil bagi kegiatan pengiklanan dalam talian. Antara tahun 2013 dan 2018¹³, pasaran iklan dalam talian mengalami kadar peningkatan terkompoun tahunan (compounded annual growth rate, CAGR) sebanyak hampir 20 peratus. Menurut data yang dibekalkan Nielsen Malaysia,¹⁴ jumlah perbelanjaan terhadap iklan digital bermula bulan Januari sehingga Mei tahun 2020 sudah melangkaui RM430 juta ringgit (US\$105 juta), iaitu sebanyak satu perlima (22 peratus) dari kesemua jumlah perbelanjaan terhadap iklan media. Perubahan ke arah media dalam talian telah menyebabkan kemerosotan saluran media-media tradisional serta penambahan laman-laman berita yang berteknologi canggih dan berorientasikan klik; ianya juga turut menambah insentif bagi pemasaran bersifat 'viral' dan 'umpan klik' untuk mendapat lebih banyak tarikan.

Sungguhpun penggunaan iklan dan media dalam talian mula bercambah dengan pesat di Malaysia, harus diingatkan bahawa landskap media Malaysia beroperasi dalam kerangka perundangan yang agak sempit. Larangan sementara atau penapisan kandungan telah dikenakan ke atas bahan-bahan media yang bercanggah dengan kerajaan sedia ada. Undang-undang jenayah seperti Akta Hasutan, Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia, termasuklah juga Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, yang menetapkan denda dan hukuman penjara, telah memberikan pihak eksekutif kuasa yang cukup luas untuk menyiasat dan mendakwa pengamal media sejak bertahun lamanya. Di bawah undang-undang ini, para wartawan boleh dikenakan hukuman sehingga 20 tahun penjara.¹⁵

Meskipun Malaysia mula menyaksikan pelbagai progres dalam kebebasan media selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018 berlangsung, usaha-usaha ini mula diundurkan semula apabila kerajaan Perikatan Nasional mula memegang kuasa pada Mac 2020, lalu menyebabkan kedudukan Malaysia jatuh sebanyak 18 tangga dalam Indeks Kebebasan Media Sedunia 2021.¹⁶ Semenjak dari itu, pejabat-pejabat media

terpaksa berhadapan dengan pelbagai dakwaan dan siasatan polis, dan sekatan ke atas kebebasan bersuara ini jelas terlihat pada kes mahkamah Malaysiakini pada Februari 2021.¹⁷ Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa portal berita dalam talian tersebut didapati bersalah dan bertanggungjawab ke atas komen-komen pembacanya, serta dikenakan denda sebanyak RM500,000 atas kesalahan tersebut.¹⁸

Kerangka perundangan yang sempit ini menyebabkan media-media dalam talian di Malaysia lebih cenderung untuk mengeluarkan mana-mana artikel atau komen yang mendapat perhatian bagi mengelakkan risiko dan memelihara sumber tajaan mereka. Kumpulan-kumpulan seperti Persekutuan Wartawan Antarabangsa (*International Federation of Journalists, IFJ*) telah menekankan bahawa undang-undang yang menekan ini telah menjejaskan peranan kritikal media dalam menyediakan ruang buat penyertaan awam dan kebebasan bersuara — yang juga memberi ruang buat pertukaran idea dan pandangan berkaitan hal-hal kepentingan awam sebagai sebahagian daripada hak asasi yang dijamin perlembagaan.¹⁹


Pemeringkatan Risiko Maklumat Palsu

Kajian ini melihat secara teliti 31 sampel laman web berita di Malaysia yang berbahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin, yang kesemuanya juga mempunyai pengiklanan secara programatik. Sampel ini didefinisikan berdasarkan capaian laman mereka (menggunakan carta Alexa pada setiap laman, serta pengikut Facebook dan Twitter mereka), kepentingan, serta keupayaan untuk mengutip data yang lengkap buat laman tersebut.

Gambaran keseluruhan pasaran

Dapatan kajian terhadap laman media di Malaysia menunjukkan kebanyakan laman adalah berisiko sederhana, dengan hanya sejumlah kecil yang berkategori berisiko kecil atau tinggi, dalam aspek maklumat palsu. Hampir 75 peratus daripada laman-laman ini jatuh ke dalam kategori berisiko sederhana. Kumpulan laman web dalam kategori inilah yang mempunyai peluang yang terbesar untuk merendahkan lagi risiko mereka di masa hadapan. Dalam masa yang sama, tiada laman web yang dikategorikan sebagai berisiko rendah. Secara keseluruhannya, banyak faktor-faktor risiko di Malaysia datang dari kekurangan ketelusan dalam hal operasi, terutamanya berkenaan dengan polisi dalaman, sumber tajaan, dan pemilihan (lihat Rajah 3).


Rajah 3. Skor Pasaran Keseluruhan, berdasarkan Tonggak



Terdapat enam laman di Malaysia yang disifatkan sebagai laman **berisiko rendah**. Laman-laman ini mendapat skor yang agak baik dalam indikator tonggak Kandungan, terutamanya kerana mereka mempunyai kandungan yang neutral dan tidak sensasi serta tidak memberi impak negatif kepada mana-mana individu atau kumpulan. Namun, mereka masih kurang ketelusan dari sudut operasi dan perlindungan editorial, termasuklah mendedahkan maklumat berkenaan sumber yang mendanai mereka.

Tiga daripada empat laman dari sampel (23 laman) telah dinilai dengan peringkat **berisiko sederhana**. Secara umumnya laman-laman ini dinilai dengan baik dalam menyediakan kandungan yang dipercayai dan seimbang, mereka turut berkongsi masalah yang sama dengan laman-laman dalam kategori berisiko rendah — iaitu soal ketelusan dalam polisi-polisi operasi. Polisi-polisi ini berkait rapat dengan standard kewartawanan yang kukuh, sepertimana yang ditetapkan oleh Journalism Trust initiative (JTI).²⁰ Kebanyakan daripada laman-laman yang dikategorikan berisiko sederhana boleh mencapai kategori berisiko rendah sekiranya ada penambahbaikan dari segi polisi operasi laman mereka. Tambahan lagi, dari sudut kandungan, laman-laman di Malaysia mendapat skor purata sejumlah 75 poin daripada 100 poin. Keputusan ini boleh dianggap sebagai sederhana dan boleh dipertingkatkan lagi melalui pendekatan yang lebih ketat seperti menggunakan pendulu berita yang berasaskan fakta, tajuk berita yang jelas, dan menyediakan maklumat kepengarangan bagi setiap artikel. Poin terakhir berkaitan dengan maklumat pengarang adalah sangat penting terutamanya dalam laman berita berbahasa Mandarin. Barangkali akan

Rajah 4. Skor Purata bagi Tiap Tonggak, berdasarkan Tahap Pemeringkatan Risiko



ada perbezaan budaya di silang-bilik berita yang dalam menentukan sama ada wartawan atau kumpulan tertentu yang diberikan kredit untuk laporan harian. Sungguhpun demikian, dalam era maklumat palsu, adalah sangat penting untuk para pembaca mengetahui siapa yang bertanggungjawab di sebalik berita yang mereka baca sebagai satu kaedah penyemakan fakta atau pengesahan kesahihan sumber-sumber yang dibaca.

Hanya dua laman web yang lain dikategorikan sebagai **berisiko tinggi**. Laman-laman ini mendapat skor yang sangat rendah dari aspek ketelusan operasi, namun perbezaan antara kedua-dua laman ini dalam tonggak Kandungan adalah sangat jelas. Salah satu daripada laman ini, telah diperingkatkan sebagai gagal dalam memenuhi standard universal untuk polisi-polisi operasi, sungguhpun mereka mengeluarkan kandungan yang boleh dipercayai. Laman yang satu lagi menunjukkan bahawa laman ini gagal untuk mengumumkan dasar operasi mereka, serta dilihat menggunakan tajuk berita yang sensasi dan kandungan yang melampau, sehinggakan mereka dikategorikan sebagai berisiko tinggi.


Ringkasan Tonggak

Tonggak Kandungan

Tonggak ini tertumpu kepada kadar kebolehpercayaan kandungan dalam laman web. Analisis kami untuk tonggak Kandungan ini adalah berdasarkan penilaian 10 artikel yang dipilih secara rawak di setiap domain. Artikel-artikel ini diambil daripada kumpulan kandungan yang paling banyak dikongsi sewaktu tempoh pengutipan data berlangsung. Kesemua artikel ini diberikan skor berdasarkan skala kosong (paling teruk) sehingga 100 (terbaik) menurut penilaian penilai untuk negara tersebut.


Lebih daripada separuh daripada 31 laman web yang dinilai mendapat skor lebih tinggi daripada purata dalam tonggak Kandungan. Laman-laman ini mendapat penilaian yang agak baik dalam mengguna pakai bahasa yang neutral untuk kandungan mereka, penulisan tajuk berita yang tidak sensasi, memulau berita mereka dengan pendulu yang berasaskan fakta, serta faktor-faktor lain yang berkaitan. Memulau dengan pendulu berita yang berasaskan fakta membolehkan para pembaca untuk segera menyemak kesahihan

Rajah 5. Skor Tonggak Kandungan berdasarkan Indikator



fakta tertentu, serta mewujudkan prinsip-prinsip dasar untuk mengikut penghujahan/perspektif yang dibentangkan. Hal ini juga menggambarkan bahawa kerja penerbitan yang dilakukan adalah berpaksikan laporan berkenaan fakta dan peristiwa yang benar, dan bukannya peristiwa yang direka-reka dengan naratif yang bersifat mengapi-apikan dan tidak seimbang. Bagi laman-laman yang selain daripada itu, para penulis berita adakalanya menggunakan tajuk berita yang umpan klik (*clickbait*), bahasa yang bersifat sensasi, dan laporan yang berat sebelah berkenaan dengan isu-isu semasa.

Rajah 6. Skor Tonggak Kandungan berdasarkan Laman



Buat laman-laman yang berada di bawah kategori ‘berisiko rendah’, sebahagian daripadanya mendapat penilaian yang jauh lebih baik berbanding yang lain dari sudut kandungan yang disampaikan secara neutral, dengan liputan peristiwa terkini dan sah, serta tidak mensasarkan secara negatif mana-mana kumpulan atau individu.

Satu daripada dua laman web yang jatuh dalam kategori ‘berisiko tinggi’ adalah sejenis pesalah, yang mempunyai modus operandi dengan cara menerbitkan semula artikel-artikel daripada laman web lain dengan tajuk berita yang baru dan lebih sensasi dan mengapi-apikan. Adalah diperhatikan juga bahawa artikel-artikel yang diterbitkan dalam laman ini mempunyai tajuk berita yang berunsurkan pandangan dan ditulis dengan huruf besar, yang bermaksud untuk berfungsi sebagai pengumpan ketik.

Pengamatan yang lebih teliti ke atas tonggak ini adan menunjukkan beberapa indikator yang boleh diperbaiki lagi untuk laman-laman di Malaysia, terutamanya dalam menyediakan maklumat kepengarangan yang lebih telus serta increasing common coverage of stories. Sebahagian laman tertentu kelihatan seperti mempunyai polisi dalaman yang menghalang sebarang pendedahan berkenaan dengan maklumat kepengarangan, dan sering menerbitkan pandangan mereka di bawah nama ‘Kumpulan Editorial’ atau langsung tidak meletakkan sebarang nama. Hal ini barangkali adalah kesan daripada perbezaan budaya dalam bilik berita.

Tonggak Operasi


Tonggak ini menilai aspek integriti dalam operasi dan proses editorial pada laman-laman berita. Kesemua pemarkahan adalah berdasarkan skala antara kosong (teruk) dan 100 (terbaik), dan dinilai oleh penilai yang khusus buat sesuatu negara bersandarkan kumpulan data dari maklumat yang terkandung dalam laman tersebut. Indikator operasi adalah ruang yang paling mudah untuk mendapat skor bagi mengurangkan kadar pemeringkatan risiko maklumat palsu, kerana ianya menggambarkan polisi yang boleh segera diterapkan dan dibuat secara terbuka oleh organisasi berita.²¹

Kebanyakan laman web mendapat skor yang rendah dalam tonggak ini, dan sejumlah besar juga yang langsung tidak mempunyai panduan asas editorial secara bertulis, polisi pemetikan dan pembetulan, atau polisi untuk mengurangkan pertembungan kepentingan. Dalam kes-kes tertentu, terdapat juga laman yang tidak mempunyai maklumat kepengarangan, yang boleh dilihat menyumbang kepada risiko maklumat palsu kerana tiada kebertanggungjawaban individu.


Penelitian yang lebih lanjut berkenaan dengan indikator di bawah tonggak Operasi menunjukkan bahawa kebanyakan laman di Malaysia mendapat skor yang rendah kerana gagal melaksanakan tindakan yang sewajarnya bagi memastikan wujud penanggapan sumber dan ketepatan dalam penulisan artikel. Sungguhpun proses penanggapan sumber dan penyemakan fakta adalah tanda-tanda yang menggambarkan kadar kebolehpercayaan sesuatu laman, kebanyakan laman di Malaysia tidak pun menyatakan komitmen mereka untuk mengikut panduan ini. Malah, tiada satu pun laman di Malaysia yang menyebutkan secara terang-terangan bahawa mereka mempunyai staf yang bertanggungjawab untuk menyemak fakta-fakta yang ada, ataupun sebarang maklumat yang jelas akan proses penyemakan fakta, melainkan hanya dengan pernyataan komitmen yang kabur untuk memastikan kesahihan kandungan mereka secara umum. Kami akui bahawa indikator-indikator ini tidak semestinya bermaksud tiada langsung penanggapan sumber atau ketepatan maklumat; sebaliknya apa yang cuba diketengahkan ialah ketiadaan pernyataan komitmen yang jelas untuk melakukannya. Hal seperti ini berlaku kepada hampir rumah-rumah media di Malaysia; amalan dan panduan disimpan secara dalaman dan tidak didedahkan kepada umum, dan hal ini tentunya menghadkan pemupukan rasa percaya dan kebertanggungjawaban dari sudut pandang masyarakat umum.

Sungguhpun demikian, kesemua sampel yang ditinjau berpeluang untuk mendapat skor yang tinggi dalam kesemua indikator bagi tonggak Operasi sekiranya mereka bersedia untuk menetapkan dan mendedahkan polisi dan maklumat operasi mereka. Indikator bagi tonggak Operasi ini diambil daripada standard yang ditetapkan oleh wartawan daripada Journalism Trust Initiative (JTI).²² Sepertimana yang disebutkan oleh JTI,²³ pelaksanaan standard ini dapat meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu media di mata umum, mengajak media tradisional untuk memikir semula amalan mereka di era digital, dan menggalakkan media baru untuk menjadi lebih telus tentang model perusahawanan mereka.

Rajah 7. Purata Skor Tonggak Operasi menurut Indikator



Rajah 8. Skor Tonggak Operasi berdasarkan Laman




Tonggak Konteks


Prestasi laman-laman yang ditinjau dalam tonggak ini boleh dijadikan ukuran yang sesuai untuk melihat persepsi jenama kepercayaan pada sesuatu laman media. Kesemua pemarkahan adalah berdasarkan skala dari kosong (teruk) sehingga 100 (terbaik) seperti mana yang dinilai oleh pengguna dalam talian. Dapatan tonggak Konteks adalah berdasarkan tinjauan bebas yang dijalankan bagi mengukur persepsi pengguna dalam talian atas jenama kepercayaan pada mana-mana laman media termasuklah sampel kajian yang dipilih untuk Malaysia.

Skor tonggak Konteks menunjukkan bahawa hampir kesemua domain di Malaysia dianggap sebagai penyampai berita yang tepat, serta berupaya membezakan antara berita dengan kandungan pendapat. Hal ini sekali lagi menunjukkan trend peningkatan kadar kepercayaan terhadap berita dalam talian yang disebutkan sebelum ini. Namun, pasaran ini masih mempunyai ruang yang luas untuk penambahbaikan, terutamanya dalam soal penggunaan umpan klik dan penerbitan semula pembetulan secara terbuka dan telus. Harus ditekankan bahawa penambahbaikan dalam hal-hal yang melibatkan persepsi umum hanya boleh dilihat pada jangka masa yang panjang kerana persepsi itu sifatnya tidak anjal dan memerlukan masa untuk berubah mengikut realiti semasa. Sungguhpun begitu, analisis statistik kami menunjukkan bahawa persepsi responden turut menggambarkan beberapa indikator dalam tonggak Kandungan dan tonggak Operasi, maka pelaksanaan standard yang diukur dalam kedua-dua tonggak tersebut mampu memulihkan persepsi di mata pembaca.

Rajah 9. Purata SkorTonggak Konteks berdasarkan Indikator



Rajah 10. Skor Tonggak Konteks berdasarkan Laman



Kesimpulan

Penilaian kami terhadap laman-laman web berita di Malaysia menunjukkan kesemua sampel dari pasaran yang ditinjau menunjukkan tahap-tahap risiko maklumat palsu tertentu, dengan sejumlah 75 peratus daripada laman-laman ini di peringkat berisiko sederhana, dan hanya dua laman sahaja yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi.

Enam daripada sampel kami menunjukkan prestasi yang baik di tahap berisiko rendah. Namun, sungguhpun tiada laman yang diperingkatkan sebagai 'berisiko maksimum', tiada laman juga yang berjaya merangkul kategori 'berisiko minimum'.

Laman-laman media di Malaysia secara umumnya terletak antara kadar risiko sederhana sehingga risiko rendah dalam kerangka yang digunakan, terutamanya dalam indikator-indikator yang menilai kebolehpercayaan kandungan, dan hal ini juga disokong dengan prestasi mereka yang baik dalam indikator tonggak Konteks yang turut mengukur kualiti liputan. Meskipun begitu, pemeringkatan keseluruhan bagi domain-domain ini merudum secara mendadak kerana kelemahan dalam sudut operasi, terutamanya berkaitan dengan ketelusan maklumat tentang pemilikan laman dan sumber-sumber tajaan, serta polisi-polisi berkenaan dengan operasi dan editorial.

Laman-laman berita ini boleh membuat penambahbaikan melalui tindakan-tindakan berikut:

- Fokus untuk menerapkan standard kewartawanan dan operasi seperti yang digariskan oleh Journalism Trust Initiative, dan pastikan ianya dinyatakan secara terbuka di laman web;
- Menerbitkan maklumat sumber pendanaan mereka di paparan laman mereka dan bukannya di laman web syarikat induk mereka. Maklumat ini penting bagi membina kepercayaan terhadap laman dan menghentikan sebarang keraguan berkenaan soal bagaimana organisasi mereka ditaja dan sekiranya wujud pengaruh-pengaruh tertentu atau pertembungan kepentingan;
- Mendeklarasikan kenyataan proses editorial yang bebas, serta garis panduan bagi memastikan ketepatan dan penanggapan sumber, dan juga polisi bagi mengendalikan komen dari pengguna;
- Memperbaik dan menyatakan dengan terang amalan pembetulan untuk mana-mana terbitan atau hantaran yang mengandungi kesalahan;
- Menggunakan 'bylines' pada waktu-waktu yang bersesuaian. Menerbitkan identiti penulis adalah cara mudah untuk memastikan wujudnya ketelusan dan kebertanggungjawaban. Tambahan lagi, ianya juga memberi peluang kepada pembaca untuk menyemak sekiranya penulis tersebut adalah individu yang wujud atau suatu identiti palsu yang digunakan untuk menerbitkan maklumat-maklumat palsu.

Kerajaan Malaysia juga harus memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suasana dan perundangan bagi mendukung ekosistem media yang lebih terbuka dan kurang berisiko untuk menyebarkan maklumat palsu. Antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi memperkukuhkan lagi tahap kepercayaan terhadap ruang media adalah:

- Mengukuhkan undang-undang Hak untuk Mendapatkan Maklumat (RTI) di peringkat negeri dan juga di peringkat federal bagi mempromosi kebebasan maklumat. Dengan akses yang lebih baik untuk mendapatkan maklumat, para wartawan boleh membuat liputan dengan lebih yakin berdasarkan sumber yang lebih dipercayai.
- Mewujudkan majlis media yang mampu mentadbir secara mandiri melalui pemerksaan ahli industri media untuk mentadbir secara sendiri, memperkukuhkan intergriti kewartawanan, dan mendukung standard yang bertanggungjawab dalam membuat liputan.
- Memansuhkan undang-undang yang menyekat media seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, serta meminda Akta Komunikasi dan Multimedia untuk memberikan pihak media kebebasan untuk membuat liputan tanpa rasa takut pada tekanan kerajaan.²⁴
- Memastikan hak untuk membuat liputan buat mana-mana penerbitan yang sah bagi menggalakkan ketelusan dan meredakan kebimbangan wartawan untuk dikenalpasti secara khusus bagi sesuatu liputan.

Keperluan untuk mewujudkan pemeringkatan risiko maklumat palsu yang bebas dan berkredibiliti adalah sangat penting hari ini. Pelancaran kerangka pemeringkatan risiko untuk Malaysia dapat memberikan maklumat yang penting untuk penggubal polisi, laman-laman web berita, dan industri periklanan teknologi, terutamanya pihak yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan tindakan untuk merancang bagaimana untuk menyekat aliran keuntungan yang menggalakkan dan meneruskan gejala maklumat palsu.

Lampiran: Metodologi

Pemarkahan Tonggak

Indeks Maklumat Palsu Global menilai tahap risiko maklumat palsu di pasaran media dalam talian bagi sesebuah negara. Pasaran media dalam talian bagi negara tersebut digambarkan melalui sampel sebanyak 30 ke 35 domain berita yang dipilih berdasarkan kedudukan mereka dalam carta Alexa, bilangan pengikut di media sosial, dan kepakaran penyelidik tempatan. Sampel yang dipilih termasuklah laman-laman berita nasional yang terkenal dan mempunyai capaian dalam talian yang tinggi, laman-laman berita yang membayangkan keadaan serantau, komposisi linguistik dan budaya bagi sesebuah negara, serta laman-laman berita yang berpengaruh untuk individu atau kumpulan yang terlibat dalam menggubal undang-undang.

Indeks ini terdiri daripada tiga tonggak: Kandungan, Operasi, dan Konteks. Ketiga-tiga tonggak ini turut mempunyai indikator tersendiri. Tonggak Kandungan mempunyai kandungan indikator yang menilai perkara-perkara dan sifat dalam setiap kandungan dari segi tahap kebolehpercayaannya, hal-hal sensasi, dan tahap keseimbangan dalam domain tersebut. Indikator dalam tonggak Operasi pula menilai polisi-polisi dan peraturan yang ditetapkan bagi setiap domain bagi memastikan tahap kebolehpercayaan dan kualiti berita yang diterbitkan dijaga. Polisi-polisi ini memantau pertembungan kepentingan, ketepatan liputan dan dasar kebertanggungjawaban. Tonggak Konteks pula bergantung pada indikator yang mengukur persepsi kredibiliti dan kebolehpercayaan pada maklumat-maklumat berita yang diterbitkan di setiap domain.

Tiap satu daripada penilaian risiko pasaran media oleh GDI telah dilakukan dengan kerjasama kumpulan pakar media dan maklumat palsu tempatan dengan mewujudkan senarai media untuk sampel pasaran, menyumbang kepada kerangka ujian untuk kandungan dalam penilaian tonggak Kandungan, mengumpul data untuk tonggak Kandungan dan Operasi, serta menapis

dan memahami keputusan indeks, dan merangka laporan pasaran.

Pemilihan laman

Sampel pasaran yang digunakan untuk penyelidikan ini adalah berdasarkan gabungan kriteria kuantitatif dan kualitatif. GDI bermula dengan mewujudkan senarai 50 laman web berita yang mempunyai trafik yang paling tinggi dalam pasaran media. Senarai ini diberikan kepada pasukan penyelidik negara, bersama dengan data tentang jumlah pengikut Facebook dan Twitter bagi setiap laman, untuk mengukur capaian dan kepentingan kajian. Pasukan penyelidik tempatan pula akan mengurangkan senarai tersebut kepada 35 laman, sambil memastikan sampel tersebut meliputi faktor geografi, linguistik, dan politik bagi menggambarkan wacana media dalam pasaran. Pengeluar berita-berita antarabangsa secara umumnya diketepikan kerana penilaian risiko mereka dibuat di pasaran tempat mereka berasal.²⁵ Agregat Berita juga diendahkan supaya laman-laman yang dipilih dinilai berdasarkan kandungan mereka yang tersendiri. Akhirnya, sampel media ini sewajarnya mengandungi sekitar 30 ke 35 laman dengan data yang lengkap untuk dikutip untuk menjalankan proses penilaian.

Kutipan Data

Indikator bagi Kandungan adalah berdasarkan penilaian terhadap 10 artikel yang diterbitkan oleh setiap domain. Lima daripada artikel ini dipilih secara rawak daripada himpunan artikel dalam domain yang paling kerap dikongsi di Facebook dalam jangka masa dua minggu. Lima lagi artikel dipilih secara rawak daripada himpunan artikel dalam domain yang meliputi topik-topik yang sering digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu. Topik dan beberapa kata kunci yang berkaitan, disusun oleh GDI dan pasukan penyelidik dalam negara kajian.

Pasukan penyelidik di setiap negara memberikan naratif topik dan kata kunci untuk digunakan bagi mengenal pasti naratif maklumat palsu dalam wacana media tempatan, serta menyumbang kepada pembentukan senarai klasifikasi topik global GDI yang dibentuk melalui data saintifik GDI dan pasukan penyelidik. Mereka juga akan menyemak mesin terjemahan bagi seluruh topik yang disenaraikan dalam bahasa-bahasa yang sesuai dengan kajian.

Artikel-artikel dalam sampel telah disembunyikan maklumat-maklumat tertentu yang membolehkan penganalisis mengenal pasti penerbit atau penulis artikel berkenaan. Kandungan yang nama ini akan dinilai oleh dua penganalisis negara yang dilatih dengan buku kod GDI. Bagi setiap artikel tersebut, penganalisis akan menjawab 13 soalan yang bertujuan untuk menilai setiap elemen dan sifat bagi artikel beserta tajuknya, dari sudut keseimbangan, sensasi, dan sasaran yang negatif. Penganalisis kemudiannya akan menilai bagaimana artikel tersebut disiarkan di domain serta sejauh mana domain itu menyediakan maklumat berkenaan dengan pengarang dan garis masanya. Dalam proses menilai tonggak Kandungan, para penganalisis haruslah mendatangkan penjelasan yang kukuh beserta bukti yang cukup untuk menyokong penilaian mereka.

Tonggak Operasi pula adalah berdasarkan maklumat yang dikumpul sewaktu penilaian secara manual yang dikendalikan oleh penganalisis negara pada setiap domain. Penganalisis akan menjawab 98 soalan yang bertujuan untuk menilai pemilikan setiap domain, pengurusan dan struktur tajaan, kebebasan editorial, prinsip-prinsip dan garis panduan, polisi penangguhan, polisi penyemakan dan pembetulan fakta, serta peraturan dan polisi bagi pengurusan bahagian komen. Penganalisis akan mengumpul bukti yang secukupnya bagi menyokong penilaian mereka sewaktu meninjau tonggak Operasi.

Tonggak Konteks adalah berdasarkan tinjauan persepsi awam yang dikendalikan oleh kajian pemasaran berdasarkan internet antarabangsa dan organisasi analitik data. Organisasi luar ini mencipta dan menyebarkan tinjauan dalam kalangan pembaca yang terdidik dalam pasaran media dalam bahasa-bahasa yang sesuai dengan kajian. Tinjauan ini cuba

merakam persepsi umum terhadap kebolehpercayaan dan kualiti kandungan yang diterbitkan di setiap domain, seiring dengan beberapa pembolehubah terkawal yang ditentukan buat sesuatu negara.

Analisis Data dan Pembentukan Indikator

Data yang dikumpul oleh setiap penganalisis negara bagi tonggak Kandungan telah digunakan untuk mengira sembilan indikator. Indikator bagi tonggak Kandungan yang dimasukkan bagi pemeringkatan akhir adalah: keseimbangan artikel, maklumat kepengarangan, liputan umum, ketepatan tajuk, ayat pembuka, penyasaran negatif, liputan terkini, bahasa yang sensasi, dan siaran visual. Bagi setiap indikator, nilai-nilai itu dilazimkan dalam bentuk skala antara kosong sehingga 100. Pemarkahan di peringkat domain bagi setiap indikator dalam tonggak ini ialah purata bagi skor yang diperolehi buat kesemua 10 artikel yang dipilih. Skor untuk setiap domain dalam setiap tonggak adalah purata skor bagi setiap indikator dalam tonggak tersebut, iaitu antara kosong sehingga 100.

Bagi tonggak Operasi, jawapan daripada para penganalisis diterjemahkan ke dalam bentuk sub-indikator. Enam indikator dikira melalui purata dari markah sub-indikator ini. Indikator yang terkandung dalam tonggak Operasi adalah: penangguhan, polisi berkenaan komen, prinsip-prinsip dan amalan editorial, kepastian ketetapan, tajaan dan pemilikan. Buat setiap indikator, nilai-nilai itu dilazimkan dalam bentuk skala antara kosong sehingga 100. Markah bagi setiap domain dalam tonggak Operasi adalah dari purata markah bagi setiap indikator.


Jawapan tinjauan persepsi tersebut kemudian dipindahkan ke GDI sebagai set data untuk digunakan bagi mengira indikator yang terkandung dalam tonggak Konteks. Tonggak Konteks cuba meninjau empat indikator: ketepatan, perbezaan yang jelas antara artikel bersifat berita dan pandangan, penggunaan umpanan klik, serta liputan yang tidak tepat. Markah keseluruhan bagi setiap domain dalam tonggak ini adalah antara sifar sehingga 100 berdasarkan markah purata bagi setiap indikator.

Jadual 2. Tonggak dan Indikator Indeks Maklumat Palsu Global

Tonggak	Indikator	Sub-indikator	Unit analisis	Definisi	Rasional
Kandungan	Ketepatan tajuk	Tiada	Artikel	Menilai ketepatan tajuk dalam menggambarkan kandungan berita	Petanda umpan klik
	Maklumat Kepen-rangan			Penilaian tahap maklumat yang diberikan berkenaan dengan penganan berita	Penaggapan berita menjadikannya lebih bertanggungjawab dengan kebenaran
	Pembuka kata			Menilai sama ada artikel dimulai dengan ayat pendulu berasakan fakta	Petanda amalan laporan berasakan fakta dan etika kewartawanan yang tinggi
	Liputan umum			Menilai sama ada per istiwia yang turut dilaporkan oleh media tempatan lain yang boleh dipercayai.	Petanda akan liputan peristiwa yang benar
	Liputan terkini			Menilai sama ada kisah yang dilaporkan adalah dari peristiwa yang berlaku dalam jangka masa 30 hari sebelum berita diterbitkan	Petanda akan liputan terhadap peristiwa yang bermakna, dan bukannya dibuat di luar konteks
	Sasaran negatif			Menilai sama ada berita mensasarkan kumpulan dan individu tertentu dengan negatif	Petanda ucapan kebencian, berat sebelah, dan naratif yang berniat buruk
	Keseimbangan artikel			Menilai tahap keseimbangan artikel	Petanda amalan laporan yang neutral dan berasakan fakta atau analisis yang menyeluruh
	Bahasa sensasi			Menilai tahap sensasi dalam artikel	Petanda amalan laporan yang neutral dan berasakan fakta atau analisis yang menyeluruh
	Siaran visual			Menilai tahap sensasi dalam paparan visual dalam artikel	Petanda amalan laporan yang neutral dan berasakan fakta atau analisis yang menyeluruh
	Operasi			Penaggapan	Tiada
Polisi pengurusan Komen		Polisi	Menilai bilangan polisi dan amalan yang tercatat dalam laman	Menilai polisi untuk mengurangkan maklumat palsu dari komen-komen pengguna	
		Pengurusan	Menilai mekanisme untuk melaksanakan polisi pengurusan komen yang tercatat dalam laman	Menilai mekanisme untuk melaksanakan polisi untuk mengurangkan maklumat palsu dari komen-komen pengguna	
Amalan dan prinsip editorial		Kebebasan Editorial	Menilai bilangan polisi dan amalan yang tercatat dalam laman	Menilai tahap kebebasan editorial dan polisi-polisi yang ditetapkan untuk mencegah pertembungan kepentingan	
		Berpegang pada naratif	Rating for the degree to which the site is likely to adhere to an ideological affiliation, based on its published editorial positions	Petanda proses editorial yang bersifat politik atau berideologi	
		Garis panduan kandungan	Menilai bilangan polisi dan amalan yang tercatat dalam laman	Menilai polisi yang ditetapkan untuk memastikan ketepatan maklumat dilaporkan tanpa berat sebelah	
		Berita vs. Analisis	Menilai bilangan polisi dan amalan yang tercatat dalam laman	Menilai polisi yang ditetapkan untuk memastikan pembaca boleh membezakan antara berita dan pendapat	
Kepastian ketepatan		Semakan fakta sebelum penerbitan	Menilai bilangan polisi dan amalan yang tercatat dalam laman	Menilai polisi bagi memastikan hanya maklumat yang tepat sahaja yang dilaporkan	
		Pembetulan selepas penerbitan	Menilai bilangan polisi dan amalan yang tercatat dalam laman	Menilai polisi untuk memastikan pembetulan fakta disebarkan dengan meluas dan terbuka	
Tajaan		Struktur insentif yang pelbagai	Rating for the number of revenue sources identified on the site	Petanda kewujudan potensi pertembungan kepentingan akibat terlalu bergantung dengan satu sumber tajaan	
		Kebertanggungjawaban kepada pembaca	Rating based on whether reader subscriptions or donations are identified as a revenue source	Petanda wujud kebertanggungjawaban untuk menyediakan maklumat berkualiti tinggi yang mendorong hasil pengiklanan	
		Ketelusan maklumat tajaan	Rating based on the degree of transparency the site provides regarding its sources of funding	Petanda ketelusan yang diperlukan untuk memantau sebarang pertembungan kepentingan dan insentif yang boleh timbul akibat daripada sumber tajaan yang tidak jelas	
Pemilikan		Pembahagian peranan antara pemilik dan pengurus	Rating based on the number of distinct executive or board level financial and editorial decision makers listed on the site	Petanda wujudnya pemisahan peranan antara keputusan editorial dan kewangan bagi mengelakkan pertembungan kepentingan	
		Maklumat pemilikan yang telus	Rating based on the degree of transparency the site provides regarding its ownership structure	Petanda ketelusan yang diperlukan untuk memantau sebarang pertembungan kepentingan dan insentif yang boleh timbul akibat daripada sumber tajaan yang tidak jelas	
Konteks	Ketepatan	Tiada	Domain	Respondent rating for perceived level of accuracy in covering news events	Menilai ketepatan kandungan laman tanpa perlu membuat semakan fakta
	Umpan klik			Respondent rating for perceived use of clickbait headlines	Menilai penggunaan umpan klik dalam laman
	Berita vs Pendapat			Respondent rating for ability to differentiate between opinion and news articles	Menilai bagaimana laman menjelaskan perbezaan antara fakta dan pendapat kepada pembacanya
	Pembetulan			Respondent rating for perceived frequency of issuing corrections in response to errors	Menilai kredibiliti laman dalam membuat pembetulan

Rajah 11 menggambarkan hubungan antara indikator dalam GDI dalam pasaran media Malaysia.

Rajah 11. Matriks Korelasi



*Nota: Korelasi statistik yang penting ditandakan.

Pemeringkatan Risiko

Markah indeks keseluruhan bagi setiap domain adalah purata dari markah-markah tonggak. Domain diklasifikasikan berdasarkan lima skala kategori. Kategori risiko didefinisikan berdasarkan taburan pemeringkatan risiko daripada 180 laman dari enam pasaran media apda September 2020. Set data yang silang negara

ini diipawai untuk mengikuti taburan normal dengan min antara 0 dan sisihan piawai bernilai 1. Skor yang diipawai dan jaraknya dengan min digunakan untuk menentukan jalur bagi setiap tahap risiko, seperti yang ditunjukkan di Jadual 3. Jalur ini kemudiannya digunakan untuk mengkategorikan tahap risiko bagi setiap laman di tiap-tiap analisis pasaran media.

Jadual 3. Tahap-Tahap Risiko Maklumat Palsu

Risk level	Had bawah	Had atas	Taburan
Risiko minimum	76.17	100	≥ 1.5 SD dari min
Risiko rendah	63.89	76.16	> 0.5 dan ≤ 1.5 SD dari min
Risiko sederhana	51.60	63.88	> -0.5 dan ≤ 0.5 SD dari min
Risiko tinggi	39.32	51.59	> -1.5 dan ≤ -0.5 SD dari min
Risiko maksimum	0	39.31	< -1.5 SD dari min

Notakaki

1 Kami mentakrifkan istilah “disinformation” dari kata kerja “to disinform” : iaitu kelakuan sengaja untuk memberikan maklumat palsu; yang berlawanan dengan maklumat benar.

2 Sisi kajian ulang oleh individu daripada kerangka ini telah dibina secara kerjasama dengan Alexandra Mousavizadeh (ketua tinjauan Tortoise Media dan pengasas bersama GDI). Kerangka ini telah mendapat bimbingan, disemak dan dilengkapi dengan bantuan kumpulan penasihat teknikal (TAG), termasuklah Ben Nimmo (Graphika), Camille François (Graphika), Miguel Martinez (pengasas bersama & ketua kaintis data, Signal AI), Nic Newman (Reuters Institute of Journalism), Olaf Steenfadt, (Reporters without Borders), Cristina Tardáguila (the Poynter Institute’s International Fact-Checking Network), Amy Mitchell (Pew Research), Scott Hale (Meedan and Credibility Coalition), Finn Heinrich (OSF) dan Laura Zommer (Chequeado).

3 Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan metodologi kami, sila rujuk bahagian lampiran dalam laporan in.

4 Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan kerangka penilaian yang digunakan, sila rujuk bahagian lampiran dalam laporan ini.

5 Pada tahun 2021, penilaian pasaran media telah dikeluarkan di negara-negara berikut: Argentina, Australia, Brazil, Kanada, India, Itali, Mexico, Nigeria dan Sepanyol. Beberapa negara lain akan turut menyusul.

6 Kesemua laman yang terlibat dalam laporan ini telah dimaklumkan akan markah dan peringkat risiko mereka, serta purata pasaran keseluruhan mereka.

7 Rakan kajian kami, Centre for Independent Journalism (<https://cijmalaysia.net/>) telah menyediakan dua penyelidikan untuk menilai setiap laman dan indikator. Tinjauan bersama

pengguna dalam telah dijalankan oleh YouGov antara 8 sehingga 25 Mac 2021. Kesemua responden menjawab soalan-soalan standard yang digunakan oleh GDI di setiap negara yang menjalani pemeringkatan risiko. Setiap responden menyatakan persepsi mereka terhadap jenama kepercayaan dan kredibiliti untuk 10 laman web yang mereka kenali. Serama 502 responden yang terlibat dalam tinjauan ini.

8 Risiko yang minimal adalah pemeringkatan risiko yang terbaik, diikuti dengan pemeringkatan berisiko rendah. Kedua-dua tahap ini menunjukkan bahawa laman berita tersebut telah mendapat markah yang baik di semua indikator. Di setiap negara, markah individu dikongsi secara sulit dengan pengendali laman untuk mendapatkan pandangan atau cadangan perubahan dari mereka. Kesemua laman telah dihubungi terlebih awal untuk memaklumkan maklumat dan metodologi berkenaan dengan proses pemeringkatan. Di semua negara yang terlibat, markah komposit hanya dikongsi pada laman yang berisiko rendah atau minimum. Justeru, jumlah laman yang didedahkan pada setiap laporan berbeza-beza mengikut negara.

9 GDI bersedia untuk bekerjasama dengan industri dalam hal ini. Terdapat permintaan yang meluas untuk penilaian risiko laman web, serta kebimbangan bahawa pemain yang lebih kurang dipercayai akan mengisi ruang yang terbuka ini.

10 Lihat: <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Report.pdf>.

11 Lihat: <https://www.nielsen.com/wp-content/uploads/sites/3/2020/03/Media-Landscape-Sell-Sheet-web.pdf>.

12 Lihat: https://www.ipsos.com/sites/default/files/ct/news/documents/2019-08/trust_in_media_-_a_malaysian_perspective_eng_pr_-_final_-_100919.pdf.

13 Lihat: <https://menafn.com/1098774230/Malaysia-Online-Advertising-Market-has-been-Growing-Steadily-Driven-by-Rising-Number-of-Online-Advertising-Agencies-and-Sustaining-Digital-Infrastructure-Ken-Research-Analysis>.

14 Lihat: <https://www.theedgemarkets.com/article/adspend-picking-digital-ads-accounting-25-total-spend>.

15 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 558).

16 Lihat: <https://rsf.org/en/ranking/2021>.

17 Lihat: https://ejudgment.kehakiman.gov.my/ks_builtin/file_dispatcher_pub.php?id=12466&key=3e8660979d7b5123399300cc2971236a.

18 Lihat: <https://www.theedgemarkets.com/article/federal-court-says-malaysiakini-readers-comments-were-scurrilous-and-irreprehensible#:~:text=In%20a%20six%2Dto%2Done,the%20news%20portal%20RM500%2C000>.

19 Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

20 Metrik capaian ini adalah berdasarkan kedudukan laman dalam carta Alexa dan pengikut Facebook dan Twitter.

21 Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan JTI, yang juga telah menerapkan standard ISO untuk industri, sila lihat: <https://jti-rsf.org/en/>.

22 Proses pemilihan sampel ini bertujuan untuk memilih sejumlah artikel yang menyentuh topik-topik yang selalu dikaitkan dengan perbincangan yang memecah belahkan

dan/atau kempen maklumat palsu.. Topik-topik umum yang dipilih adalah berdasarkan kajian dalaman GDI dan kerja-kerja pemantauan. Senarai kata kunci merangkumi lebih daripada 170 perkataan mewakili lebih daripada 20 topik. Senarai topik dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian lampiran laporan ini

23 Tonggak Operasi meninjau penempatan polisi-polisi yang dianggap penting. Lanya tidak menilai seketat mana polisi ini diamalkan dengan baik, atau tidak melihat bagaimana ia dilaksanakan. Namun, indikator dari kerangka yang lain tetap menilai sebahagian daripada amalan yang berkaitan, seperti ukuran persepsi tentang sekerap mana laman tersebut membetulkan kesalahan mereka atau dilihat sama ada mereka menyampaikan kandungan yang tepat.

24 Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan JTI, yang juga telah menerapkan standard ISO untuk industri, sila lihat: <https://jti-rsf.org/en/>.

25 Lihat: <https://www.cen.eu/news/workshops/Pages/WS-2019-013.aspx>.

26 Di bawah undang-undang sedia ada, laman yang tidak beridentiti dan mencurigakan sering lebih lantang (walaupun selalunya tidak tepat dan bertanggungjawab) dalam membuat liputan.

27 Dalam beberapa kes, pengeluar berita antarabangsa dimasukkan juga ke dalam skop kajian sekiranya pasaran domestik terlalu kecil, laman-lamannya dianggap sebagai sangat penting, kandungannya secerocok dengan pasaran yang dinilai, dan GDI belum lagi merangka pemeringkatan risiko untuk laman tersebut di tempat lain.



www.disinformationindex.org